

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : SINAR UTARA

Tahap kemahiran CPR masih rendah

ALOR SETAR - Tahap kemahiran orang ramai berhubung kaedah bantuan awal atau lebih dikenali sebagai *Cardio-Pulmonary Resuscitation (CPR)* di negeri ini dikhuatiri masih agak rendah.

Exco Kesihatan Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh berharap, masyarakat mengambil inisiatif untuk mengetahui dan mempelajari kemahiran CPR bagi membolehkan mereka menyelamatkan nyawa di tempat kejadian sehinggalah pasukan perubatan tiba.

"CPR membolehkan kaedah bantuan awal dibe-

rikan untuk pemulihan sistem jantung dan paru-paru demi memastikan bekalan darah dan oksigen dapat diteruskan ke seluruh tubuh individu yang mengalami serangan jantung," katanya.

Beliau bercakap sedemikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Program Komuniti Mass CPR Peringkat Kedah dan pelancaran Manual *CPR Untuk Komuniti 2019* di Stadium Sultan Abdul Halim, di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail.

Dr Ismail berkata, orang

awam berpeluang mempelajari teknik bukaan dan bantuan saluran pernafasan, bantuan peredaran darah melalui tekanan dadah, penggunaan *Automated External Defibrillator (AED)* dan pengurusan mangsa tercekik benda asing menerusi manual *CPR Untuk Komuniti* yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Terdahulu, kira-kira 1,000 peserta terdiri daripada pelbagai peringkat umur mengambil bahagian dalam Program Komuniti Mass CPR itu.



Dr Ismail (tengah) dan Dr Norhizan (dua dari kanan) melakukan gimik bersempena Majlis Perasmian Program Komuniti Mass CPR Peringkat Kedah dan pelancaran manual CPR dalam komuniti 2019 di Stadium Sultan Abdul Halim semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

KKM mahu peruntukan EMR dalam Belanjawan 2020

KUANTAN - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap Kerajaan Persekutuan dapat mempertimbangkan untuk meluluskan peruntukan dalam Belanjawan 2020 yang dijadual dibentangkan pada Oktober ini bagi pelaksanaan Rekod Kesihatan Elektronik (EMR).

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, sistem tersebut amat penting dalam memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik.

"Sistem EMR membolehkan setiap pesakit mempunyai data peribadi

mengenai rekod kesihatan ketika menerima rawatan di hospital dan klinik.

"KKM sudah mengemukakan cadangan bagi penilaian Kementerian Kewangan dan harap ia dipertimbangkan," katanya kepada pemberita selepas melakukan Lawatan Kerja ke Klinik Kesihatan Sungai Lembing di sini semalam.

Selain itu, Boon Chye berharap peruntukan yang lebih dapat diberikan dalam pelaksanaan program kesihatan rakyat seperti Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

PATI punca penyakit tibi menular

*Dipercayai
masuk ke
Malaysia tanpa
jalani saringan
kesihatan*

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Pekerja asing tanpa izin (PATI) yang memasuki negara secara haram menjadi salah satu punca penularan penyakit tuberkulosis (tibi) atau batuk kering.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, disebabkan PATI itu memasuki Malaysia tanpa menjalani saringan kesihatan sepertimana mereka yang datang dengan cara sah.

"PATI yang datang secara sah telah melakukan pemeriksaan kesihatan sebelum mereka dibenarkan bekerja.

"Mereka (pekerja asing yang sah) seperti yang bekerja di restoran mamak atau sebagai orang gaji terhindar daripada penyakit tibi kerana mereka tidak akan dapat permit kerja jika

menghidap penyakit itu.

"Kita tidak nafikan memang ada berlaku kes tibi di mana setiap tahun kira-kira 25,000 kes dan jumlah itu masih tinggi disebabkan pekerja asing masuk ke negara tanpa saringan kesihatan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Dialog Bersama Kakitangan Klinik Kesihatan Sungai Lembing di sini semalam.

Sementara itu, Boon Chye berkata, Kementerian Kesihatan akan memohon peruntukan daripada kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan Rekod Kesihatan Elektronik (EMR)

bagi memastikan perkhidmatan kesihatan di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik.

Boon Chye berkata, pihaknya sudah memohon dana tambahan dan berharap tambahan peruntukan untuk EMR akan diluluskan menerusi Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada Oktober ini.

Katanya, peranan EMR dalam sektor kesihatan amat penting kerana sistem tersebut dapat menyimpan semua data mengenai pesakit yang dirawat di hospital dan klinik.



Boon Chye (dua dari kanan) beramah mesra dengan seorang pesakit yang menerima rawatan selepas Majlis Dialog Bersama Kakitangan Klinik Kesihatan Sungai Lembing di Kuantan semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : SIHAT

Imunoterapi panjangkan usia pesakit barah

Rawatan baharu tambah jangka hayat hingga lebih bulan

Oleh Hidayah Mohammad
hid.mohd@bh.com.my

Purata jangka hayat pesakit barah paru-paru tahap empat yang tidak mendapatkan sebarang rawatan, dianggarkan hanya lebih kurang 6.8 bulan. Namun begitu, mereka yang menjalani rawatan kemoterapi pula mampu memanjangkan purata jangka hayat kepada 10 hingga 12 bulan.

Bukanlah berita gembira buat pesakit barah ini apabila munculnya rawatan baharu iaitu imunoterapi, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat menarik sedikit nafas lega apabila berpeluang hidup lebih lama iaitu tambahan sekitar 4.6 bulan. Ia dilakukan menerusi gabungan dua rawatan kemoterapi dan imunoterapi dalam satu sesi, sekali gus.

Perunding Onkologi Klinikal dan Radioterapi, Dr. Matin Mellor Abdullah, berkata imunoterapi dikesan sebagai rawatan baharu yang boleh menambah jangka hayat pesakit barah paru-paru lebih panjang.

"Keputusan itu bukanlah pengalaman individu tetapi ia statistik yang diperolehi berdasarkan pesakit yang membuat rawatan susulan dengan jangka hayat mereka direkodkan iaitu apabila 50 peratus pesakit meninggal dunia, jadi itulah purata jangka hayat mereka.

"Ada pesakit yang menerima gabungan dua rawatan berkenaan kadang-kala mendapat jangka hayat lebih panjang iaitu lima tahun," katanya ketika ditemui, baru-

baru ini.

Memikat 25 peratus

Dr. Matin Mellor berkata, menurut kajian Study Key-note 001 yang dibentangkan menerusi persidangan American Society of Clinical Oncology (ASCO) di Chicago Jun lalu, mendapati jangka hayat pesakit yang masih hidup dan menjalani imunoterapi mencapai lima tahun meningkat kepada 25 peratus berbanding dengan rekod sebelum ini tanpa imunoterapi, iaitu hanya kurang daripada lima peratus.

"Rawatan imunoterapi itu membantu menambah jangka hayat pesakit dan jumlah pesakit yang boleh hidup lebih lama juga lebih tinggi berbanding hanya menumpukan satu rawatan kemoterapi saja," katanya.

Kemoterapi ialah rawatan secara menyeluruh berbentuk ubat yang diberikan menerusi suntikan dipanggil carboplatin dan paclitaxel atau nab-paclitaxel, seperti mana doktor memasukkan ubat antibiotik yang disuntik.

Jadi, apabila pesakit menjalani kedua-duanya, selain ubat kemoterapi, ubat tambahan imunoterapi iaitu dipanggil Keytruda (pembrolizumab) juga akan disuntik untuk dimasukkan dalam badan pesakit barah paru-paru bukan sel kecil (NSCLC).

Dr. Matin Mellor berkata, prosos ini dilakukan setiap tiga minggu selama dua tahun.

Keytruda baharu saja dilancarkan pada Januari lalu dan difusikan oleh Kemen-

terian Kesihatan pada Mei lalu. Ia sesuai untuk kanser yang sudah berada di tahap tiga dan empat.

Sel merbak cepat

Bellan berkata, jika pesakit barah paru-paru dikesan masih di tahap satu dan dua, mereka boleh menjalani pembedahan dan kemungkinan besar boleh sembuh sepenuhnya.

Katanya, walaupun pembedahan mampu menyembuhkan barah paru-paru, sekumpulan mereka mendapati barah kembali menyerang ketika melakukan kajian susulan. Ini mungkin berlaku dalam 30 hingga 40 peratus daripada mereka yang menjalani pembedahan yang mampu menyembuhkan mereka.

"Mereka ini memerlukan rawatan kemoterapi juga sekiranya barah mereka tidak mempunyai 'driver mutation' di mana rawatan lain disarankan untuk mereka yang mempunyai ciri-ciri ini.

"Apabila barah menyerang semua rawatan yang sesuai perlu diusahakan untuk mengawal penyebarannya. Rawatan dengan kombinasi imunoterapi dan kemoterapi didapati paling berkesan untuk mendapat jangka hayat yang paling panjang.

"Adalah penting mereka berbincang dengan pakar untuk mendapat maklumat yang terkini dan menerima rawatan yang sesuai," katanya.

